

10 firma ladang hutan dapat pinjaman

BH 22/1/08

LEMBAGA Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) menyalurkan pinjaman berjumlah RM187 juta kepada 10 syarikat lagi di bawah Program Tanaman Ladang Hutan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, berkata syarikat yang terbabit akan membangunkan 42,835 hektar ladang hutan.

Beliau berkata, sejak Program Tanaman Ladang Hutan itu diperkenalkan pada 2006, Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200 juta

kepada MTIB untuk disalurkan sebagai pinjaman kepada syarikat swasta melaksanakan program tanaman ladang hutan secara komersial dan bersaiz besar.

Beliau berkata, MOF juga telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM865 juta bagi memastikan dana mencukupi untuk pelaksanaan program berkenaan.

"Kerajaan memperuntukkan kira-kira RM1 bilion untuk membiayai program ini bagi memastikan sasaran membangunkan 375,000 hektar ladang hutan dalam tempoh 15 tahun

akan datang dicapai," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis memeterai perjanjian pinjaman antara MTIB dengan 10 syarikat terbabit yang dipilih oleh Jawatankuasa Penilaian Program Tanaman Ladang Hutan.

Berikutan pinjaman terbaru itu, MTIB sudah menyalurkan pinjaman berjumlah RM267.649 juta kepada 16 syarikat di bawah program berkenaan yang membabitkan pembangunan 58,935 hektar tanah.